

PHARMANIAGA RIBOFLAVIN TABLET

Riboflavine (3mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Riboflavin Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Riboflavin Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Riboflavin Tablet
4. Cara mengambil Pharmaniaga Riboflavin Tablet
5. Semasa mengambil Pharmaniaga Riboflavin Tablet
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Riboflavin Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pharmaniaga Riboflavin Tablet

Ia digunakan untuk merawat masalah kekurangan riboflavine.

Bagaimana Pharmaniaga Riboflavin Tablet berfungsi

Riboflavin diperlukan untuk membantu perkembangan dan fungsi kulit, lapisan saluran pencernaan, sel darah, dan beberapa bahagian badan yang lain.

Sebelum mengambil

Pharmaniaga Riboflavin Tablet

-Bila tidak boleh mengambil

Jika anda mempunyai alahan kepada Riboflavine atau mana-mana bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini seperti yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

-Sebelum mula mengambil

Pharmaniaga Riboflavin Tablet

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya:

- Anda mengandung atau bercadang untuk hamil.
- Anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang boleh diperolehi tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan terutamanya:

- probenecid (digunakan untuk mencegah gout)
- tricyclic antidepressants (untuk merawat kemurungan)
- phenothiazines (untuk merawat gangguan psikotik)

Cara mengambil Pharmaniaga Riboflavin Tablet

Ikut segala arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Arahan tersebut mungkin berbeza daripada risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan pada label ubat tersebut, bertanya pada doktor atau ahli farmasi anda bagi menjelaskan arahan tersebut.

-Berapa banyak harus diambil

Dewasa:

Rawatan dos: Sehingga 30mg setiap hari.

Dos pengekalan: 1 hingga 3 mg setiap hari.

Kanak-Kanak:

Rawatan dos: 3 hingga 10 mg setiap hari

-Bila perlu diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan Pharmaniaga Riboflavin Tablet untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja teringat. Walaubagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau orang lain terambil dos berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa mengambil Pharmaniaga Riboflavin Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doctor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Pharmaniaga Riboflavin Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berkongsi Pharmaniaga Riboflavin Tablet dengan orang lain, walaupun gejala-gejala mereka kelihatan serupa dengan anda.

Jangan mengambil ubat ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan dengan arahan doktor atau ahli farmasi.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau sedang menyusukan bayi, jangan ambil Pharmaniaga Riboflavin Tablet tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Riboflavin Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Riboflavine boleh menyebabkan perubahan warna kuning pada air kencing yang tidak membimbangkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

PHARMANIAGA RIBOFLAVIN TABLET

Riboflavine (3mg)

Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Riboflavin Tablet

-Penyimpanan

Simpan semua ubat daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang diterterakan pada pek bungkus.

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Kuning berbentuk bulat, tepi serong, dengan dua garis belahan dan dicetak dengan huruf 'KK' pada satu bahagian.

-Bahan-bahan kandungan:

-Bahan aktif:-

Riboflavine 3mg

-Bahan-bahan tidak aktif:-

Lactose, Magnesium Stearate,
Talcum, Starch, Kollidon

-Nombor MAL:

MAL19961339X

Pengilang:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad
(60016-D),
11A, Jalan P/1,
Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad
(60016-D),
11A, Jalan P/1,
Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:

14/02/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)140218/00050